

## Sumbangan Framenet Kepada Leksikografi Korpus: Kajian Kes Penyelidikan Makna Kata Kerja *Melihat*

Rusmadi Baharudin  
[rusmadi@dbp.gov.my](mailto:rusmadi@dbp.gov.my)  
Bahagian Perkamusan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Malaysia

Nor Hashimah Jalaluddin  
[shima@ukm.my](mailto:shima@ukm.my)  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Imran Ho-Abdullah  
[imranho@ukm.my](mailto:imranho@ukm.my)  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Perkembangan yang berlaku dalam pembangunan data korpus elektronik sejak dua dekad yang lalu telah memberikan dampak yang besar terhadap bidang leksikografi dalam pelbagai bahasa di pelbagai belahan dunia. Praktis leksikografi pada masa kini dan mendatang semakin pasti akan menggunakan pendekatan berasaskan korpus atau malah lebih kepada yang beracukan korpus. Oleh itu, korpora hari ini adalah peranti yang sangat penting dalam penyelidikan bahasa. Daripada data korpus yang besar jumlahnya, pola penggunaan dan gelagat semantik atau potensi makna sesuatu unit leksikal dapat diperhatikan dengan mudah. Pembangunan pangkalan data leksikal seperti FrameNet (<http://framenet.icsi.berkeley.edu>) mempunyai potensi untuk kerja leksikografi, misalnya penyelidikan makna. FrameNet ialah pangkalan data leksikal dalam talian bahasa Inggeris kontemporari yang dirangkadengan berasaskan teori *FrameSemantics*. Sebagai produk daripada projek leksikografi komputer, pangkalan data ini menyediakan maklumat semantik dan sintaksis, khususnya tentang pola valensi bagi setiap item leksikal yang dianalisis maknanya. Makalah ini membincangkan manfaat yang dapat diperolehi daripada projek FrameNet ini dalam kerja penyelidikan makna kata dan penambahbaikan dalam kerja pendeskripsian semantik satu entri dalam projek penyusunan kamus bahasa Melayu. Kata *melihat* daripada kelas semantik kata kerja persepsi visual Melayu digunakan sebagai data untuk menguji potensi pangkalan data FrameNet ini sebagai sumber rujukan leksikografi yang dapat digunakan oleh bahasa lain daripada bahasa Inggeris. Penyemakan dan cadangan penulisan semula subentri *melihat* yang dirakamkan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat dikemukakan juga dalam makalah ini.

**Katakunci:** FrameNet; frame semantics; kata kerja *melihat*; leksikografi korpus; penyelidikan makna

## The Contribution Of Framenet To Corpus Lexicography: A Case Study Of The Elicitation Of The Meanings Of The Verb *Melihat*

### ABSTRACT

The current trend in the development of electronic corpora over the past two decades has had a profound effect on lexicography in many languages all over the world. Both in its current status and the future practice of lexicography, it seems certain will be corpus-based, or even corpus driven. Hence, corpora are now indispensable tools in language research. From the large corpora, the patterns of usage and the semantic behaviour or the meaning potentials of a word can be easily recognised. Meanwhile, the development of the online lexical resource such as FrameNet (<http://framenet.icsi.berkeley.edu>) has the potential to support the lexicographical tasks, such as the elicitation of meanings and sense differentiation. FrameNet is an on-line lexical resource for contemporary English that is based on the principles of the theory of Frame Semantics. As product of a project in computational lexicography, this database provides information about the semantic and the syntactic combinatorial possibilities, especially the valency pattern of each lexical item analyzed. This paper discusses the benefits that can be derived from the FrameNet project in analysing the meanings of words and for improving the writing of a new entry for a Malay dictionary project. The word *melihat* from the semantic class of Malay verbs as related to visual perception is used as a case study to test the potential of FrameNet as an on-line lexicographical reference database that can be used by a language other than English. The paper also offers a revision of the entry for *melihat* in the forth edition of *Kamus Dewan*.

**Keywords:** frameNet; frame semantics; the verb *melihat*; corpus lexicography; elicitation of meaning

### PENGENALAN

Perkembangan yang berlaku dalam pembangunan data korpus elektronik sejak dua dekad yang lalu telah memberikan dampak yang besar terhadap bidang leksikografi dalam pelbagai bahasa di pelbagai belahan dunia. Oleh itu, praktis leksikografi pada masa kini dan mendatang semakin pasti akan menggunakan pendekatan berasaskan korpus (*corpus-based approach*) atau malah lebih kepada yang beracukan korpus (*corpus-driven approach*) (Hanks, 2009). Di samping itu, amalan perkamusan yang semakin rancak untuk beralih daripada yang bersifat konvensional (naskhah bercetak) kepada yang bersifat elektronik atau berbentuk naskhah digital, tentunya sedikit banyak akan mempengaruhi persembahan dan kandungan maklumat sesuatu entri kamus itu (Tan Kim Hua & Woods, 2008). Satu daripada projek leksikografi yang sudah pun memanfaatkan kemajuan teknologi ini ialah projek FrameNet (<http://framenet.icsi.berkeley.edu>), iaitu satu pangkalan data leksikal Inggeris kontemporari yang dibangunkan secara maya oleh International Computer Science Institute atau ICSI di Berkeley, California. Sebagai produk daripada projek leksikografi komputer, unit leksikal Inggeris yang terdapat dalam pangkalan data ini dideskripsikan dengan menggunakan kerangka teori *Frame Semantics*, iaitu setiap kata bukanlah lagi seperti amalan perkamusan tradisional

penjelasan semantiknya, sebaliknya unit pendeskripsian kata di FrameNet distrukturkan dan dianalisis dalam bentuk ranah semantik atau *semantic frames*. Pangkalan data ini menyediakan maklumat semantik dan sintaksis, khususnya tentang pola valensi bagi setiap item leksikal yang dianalisis maknanya.

Bagaimanakah pangkalan leksikal seperti FrameNet yang menyediakan pelbagai maklumat semantik dan sintaksis bagi ribuan item leksikal Inggeris – tentunya daripada data korpus – dapat dimanfaatkan oleh bahasa lain, misalnya bahasa Melayu, khususnya daripada segi rujukan leksikografis seperti kerja penyelidikan makna kata dan penambahbaikan dalam kerja pendeskripsian semantik satu entri dalam projek penyusunan kamus bahasa Melayu? Dalam makalah ini, kata *melihat* daripada kelas semantik kata kerja persepsi visual Melayu digunakan sebagai data untuk menguji potensi pangkalan data FrameNet ini sebagai sumber rujukan leksikografi yang dapat digunakan oleh bahasa lain daripada bahasa Inggeris. Aturan perbincangan makalah ini adalah yang pertama dijelaskan teori frame semantics dan pangkalan data FrameNet yang menjadi kerangka analisis data, yang kedua dinyatakan data dan metodologi kajian, yang ketiga dipaparkan analisis penyelidikan korpus, yang kelima dibentangkan analisis data berasaskan kerangka Frame Semantics dan yang keenam dihuraikan dampak leksikografis, iaitu menyemak semula entri kata kerja *melihat* dalam Kamus Dewan.

#### TEORI FRAME SEMANTICS

Teori *Frame Semantics* dibangunkan oleh Charles Fillmore dengan menawarkan satu pendekatan yang khusus tentang analisis semantik bahasa alami dan gagasan tentang teori ini dicetuskan dalam satu makalah beliau yang sangat besar dampaknya, iaitu “Frame Semantics” (Fillmore, 1982). Potensi dan sumbangan teori ini kepada analisis leksikal dan praktis leksikografi dapat diperhatikan melalui pelbagai projek leksikografi Inggeris, khususnya projek FrameNet. Beberapa bahasa lain, iaitu bahasa Jerman, Sepanyol, Jepundan Cina telah juga mencuba melaksanakan projek FrameNet (Boas, 2009). Teori ini menyatakan bahawa makna bagi suatu kata itu lebih mudah difahami dalam konteks, iaitu bentuk peristiwa atau situasi penggunaan kata tersebut. Teras teori *Frame Semantics* ialah ranah semantik atau ranah (*frame*), iaitu representasi skematik yg berstruktur tentang sesuatu situasi, objek atau peristiwa yang membekalkan latar dan motivasi bagi kewujudan dan penggunaan lazim suatu kata dalam sesuatu bahasa (Atkins & Rundell, 2008; Fillmore, 2006; Fillmore & Baker, 2010). Mengikut teori ini, setiap unit linguistik, iaitu kata (bagi setiap satu daripada sensanya) menerbitkan ranah. Ranah yang terbit inilah yang merupakan struktur pengetahuan yang diperlukan untuk pemahaman dan penggunaan yang sesuai bagi setiap item leksikal atau sesuatu frasa yang tertentu. Setiap ranah yang terbit itu boleh sahaja bersifat mudah strukturnya, misalnya [POTONG] yang mengkonseptualisasikan keadaan sesuatu objek dan ranah ini direpresentasikan oleh perkataan seperti *potong*, *kerat*, *penggal* dan sebagainya (Rusmadi, 2008). Atau, ranah mungkin juga kompleks struktur semantiknya yang dicirikan oleh pelbagai peristiwa yang kait-mengait, misalnya ranah [PENDIDIKAN]. Setiap ranah semantik menstrukturkan maklumat latar belakang suatu kata yang antara lain akan menonjolkan pelbagai fasa, peserta, dan peralatan (props). Bagi setiap ranah itu pula, ada sejumlah elemen ranah (*frame element*) (ER), iaitu peran semantik khusus yang terlibat dalam pengkonseptualisasian ranah itu. Daripada segi realisasi linguistiknya, biasanya elemen

ranah ini akan diwakili atau direkodkan dalam bentuk fungsi nahuan dan tipa atau jenis frasa.

Misalnya, ranah [TELLING] dijelmakan oleh unit leksikal (UL) Inggeris, antaranya kata *tell* (Fillmore et al. 2003; Boas 2005, Fillmore & Baker 2010). Menurut Boas (2010) ranah [TELLING] ini distrukturkan oleh sejumlah elemen ranah (*frameelement*) (ER), iaitu peran semantik khusus yang terlibat dalam pengkonseptualisasian ranah ini, iaitu [SPEAKER] berkata-kata kepada [ADDRESSEE] dengan suatu [MESSAGE] yang secara tersiratnya dapat dikategorikan sebagai [TOPIC]. Mesej biasanya diterima oleh [ADDRESSEE] daripada perucap. Manakala, [MESSAGE] pula ialah suatu bentuk komunikasi yang dihasilkan oleh perucap. Elemen ranah [TOPIC] pula ialah pendeskripsian umum tentang kandungan mesej.

#### PANGKALAN DATA LEKSIKAL FRAMENET

FrameNet pula ialah satu pangkalan data leksikal yang menyenaraikan pendeskripsian suatu kata dengan menggunakan kerangka *FrameSemantics* (Fillmore, et al., 2003). Komponen teras suatu entri leksikal dalam FrameNet terdiri daripada tiga bahagian. Yang pertama inventori tentang ranah, iaitu struktur konseptual yang mewakili sesuatu situasi, objek, atau peristiwa. Satu senarai tentang elemen ranah (ER) yang ditemui atau muncul dalam sesuatu ranah itu dipaparkan dalam Jadual Elemen Ranah dengan disertakan ayat korpus beranotasi yang menunjukkan bagaimana setiap ER itu direalisasikan secara sintaksisnya. Yang kedua, bagi setiap entri yang disenaraikan itu akan dibekalkan definisi kamus bagi setiap unit leksikal yang relevan, iaitu satu ringkasan tentang perbezaan realisasi sintaksis bagi setiap elemen ranah.

Komponen yang ketiga pula merekodkan pola velensi yang ditemui bagi setiap unit leksikal itu, iaitu pelbagai kombinasi elemen ranah dan realisasi sintaksis yang hadir dalam sesuatu ayat contoh yang diberikan. Sebagai contoh, laporan anotasi entri leksikal “tell” daripada ranah [TELLING] direkodkan perealisasikan elemen ranahnya (ER) sebagai yang berikut (Boas, 2010):

- a. [SPEAKER] already told [you<sub>ADDRESSEE</sub>] [all you need know<sub>MESSAGE</sub>].
- b. [He<sub>SPEAKER</sub>] tells [of the people caught up on the fringes of small wars<sub>TOPIC</sub>].
- c. [SPEAKER] has told [Pally<sub>ADDRESSEE</sub>] [to watch out<sub>MESSAGE</sub>].

#### DATA DAN METODOLOGI

Kata kerja *lihat* (bentuk aktifnya *melihat* dan pasifnya *dilihat*) yang dijadikan data kajian kes ini merupakan kata nuklear bagi kata kerja persepsi visual dalam bahasa Melayu. Pemilihan dan dakwaan ini dibuat atas alasan – sekurang-kurang oleh kajian ini – bahawa kekerapan kata ini amat tinggi dalam janaan konkordans daripada Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, iaitu kekerapannya sebanyak 13,605 kali berbanding dengan kata lain yang dianggap bersinonim dengannya: memandang 6805 kali, menengok hanya 114 kali dan nampak 4182 kali. Daripada semakan rambang terhadap entri dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) (KD4) pula, kata *melihat* digunakan sebagai genus untuk sepuluh entri kata kerja persepsi visual Melayu, iaitu memandang, menengok, nampak, memerhatikan, mengamati, menjenguk, menyaksikan, mengintai, menenung dan mencalik. Untuk data kajian ini, langkah pertama

lema *lihat* dan dua bentuk terbitannya, *melihat* dan *lihat* dijanakan konkordansnya bagi menyelidik gelagat semantik. Janaan konkordans diproses dengan menggunakan perisian Wordsmith. Pada tahap ini, objek kata kerja *melihat* dikenal pasti tipa semantiknya untuk menentukan gelagat semantik atau makna kata kerja ini, sama ada makna teras dalam ranah persepsi ataupun makna kembangan dalam pelbagai ranah, seperti ranah kognisi, ranah penelitian dan ranah interaksi sosial.

Langkah kedua pula adalah membuat pemetaan unit leksikal Inggeris dengan bahasa Melayu. Untuk mendapatkan acuan ranah semantik yang akan digunakan sebagai panduan penganalisan data, pada tahap ini, kami merujuk pangkalan data leksikal FrameNet untuk mendapatkan inventori ranah semantik, iaitu dengan menjadikan beberapa kata kerja persepsi visual dalam bahasa Inggeris, khususnya unit leksikal *see* dan *look* sebagai padanan ataupun acuan untuk membuat analisis semantik kata *melihat* dalam bahasa Melayu. Kata *see* dan *look* mempunyai jaringan semantik yang luas (Viberg, 1984, 2005). Pemilihan ini dibuat atas alasan kata *see* dan *look* ialah dua kata Inggeris yang diambil padanan bagi kata *melihat* seperti yang dirakamkan oleh dua buah kamus, iaitu *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (1991) dan *Oxford Fajar Advanced Learner's English Malay Dictionary* (Hornby, 2000). Berdasarkan data di FrameNet, unit leksikal (UL) “see” dan “look” seperti yang dipaparkan di Rajah 1 muncul dalam beberapa ranah, misalnya ranah [PERSEPSI AKTIF]<sup>1</sup>, ranah [PERSEPSI PENGALAMAN] dan ranah [PENAMPILAN]. Dalam FrameNet, setiap makna bagi satu UL itu akan dipaparkan elemen ranahnya (ER ) yang menunjukkan perealisasikan sintaksisnya untuk setiap konteks atau pola penggunaan kata itu. Oleh itu, maklumat sintaksis dan semantik yang menggambarkan gelagat kata “see” dan “look” yang dipaparkan dalam FrameNet inilah kami jadikan acuan analisis kata kerja *melihat* dalam bahasa Melayu. Dalam makalah ini, ditunjukkan gelagat semantik kata kerja *melihat* yang makna terasnya dikenal pasti beroperasi dalam tiga ranah persepsi, iaitu ranah [PERSEPSI AKTIF], ranah [PERSEPSI PENGALAMAN] dan ranah [PENAMPILAN]. Untuk makna kembangan pula, sekurang-kurangnya ada 17 ranah bukan persepsi yang menunjangi pemanipestasian pola penggunaan kata kerja ini. Huraian di seksyen yang berikut.

No.	Frame Def.	LexUnit	pos	disp.	LU Def.	WordNet	LexEntry	Anno
1	Categorization	see	V	withFE	COD: regard in a specified way.	see	lexEntr	anno.
2	Causation	see	V	withFE	FN: for the existence of one thing or event to lead, even subtly, to the occurrence of another thing or event.	see	lexEntr	anno.
3	Grasp	see	V	withFE	FN: to comprehend	see	lexEntr	anno.
4	Perception_experience	see	V	withFE	COD: perceive with the eyes	see	lexEntr	anno.
5	Reference_text	see	V	withFE	FN: confer for further information.	see	lexEntr	anno.
6	Touring	see	V	withFE	FN: visit and experience (a place)	see	lexEntr	anno.

<sup>1</sup>Terjemahan daripada nama asalnya, iaitu [PERCEPTION\_ACTIVE], [PERCEPTION\_EXPERIENCE] dan [APPEARANCE]

The screenshot shows a web browser window with the URL 'look'. The page title is 'lemma look'. On the left side, there is a list of related words: [longing](#), [look](#), [look back](#), [loop](#), [loose](#), [lope](#), [loquacious](#), [loquacity](#), [lose](#), [lose sleep](#), [loss](#), [lost \(in\)](#), [loud](#), and [loudmouth](#). The main content is a table with the following columns: No., Frame Def., LexUnit, pos, disp., LU Def., WordNet, LexEntry, and Anno.

No.	Frame Def.	LexUnit	pos	disp.	LU Def.	WordNet	LexEntry	Anno
1	Appearance	look	V	withFE	FN: appear	<a href="#">look</a>	<a href="#">lexEntr</a>	<a href="#">anno</a>
2	Facial expression	look	N	withFE	COD: an expression of a feeling or thought by such an act [of looking].	<a href="#">look</a>	<a href="#">lexEntr</a>	<a href="#">anno</a>
3	Perception active	look	N	withFE	COD: the act of directing one's gaze in a specified direction	<a href="#">look</a>	<a href="#">lexEntr</a>	<a href="#">anno</a>
4	Perception active	look	V	withFE	COD: direct one's gaze in a specified direction	<a href="#">look</a>	<a href="#">lexEntr</a>	<a href="#">anno</a>
5	Scrutiny	look	V	withFE	COD: attempt to find.	<a href="#">look</a>	<a href="#">lexEntr</a>	<a href="#">anno</a>

RAJAH 1. Paparan dua cetakan skrin “FrameSQL Lexical Unit Search Menu” bagi dua entri FrameNet, iaitu lema “see” dan “look”

### ANALISIS DATA: POLA PENGGUNAAN MELIHAT DALAM KORPUS

Berdasarkan penyelisikan terhadap data korpus, kajian ini mendapati bahawa kata *melihat* mempunyai gelagat semantik yang sangat lincah maknanya, iaitu jauh meninggalkan rakaman makna yang dipaparkan oleh kamus. Beberapa potensi makna *melihat* yang dapat diselongkari penggunaannya daripada pangkalan data korpus kajian ditunjukkan dalam Rajah 2. Seperti yang terpapar dalam rajah tersebut, kajian ini mengkategorikan ayat 1 – 23 sebagai konstruksi yang berkaitan dengan makna teras, iaitu makna visual, manakala ayat 24 – 56 pula adalah merupakan contoh konstruksi yang melibatkan makna bukan visual. Untuk makna bukan visual, kajian ini mengenal pasti dan mengelompokkan potensi makna ini kepada lima (5) kumpulan makna kembangan, iaitu (1) makna persepsi bukan visual, iaitu yang berkaitan dengan deria rasa dan dengar yang diturunkan contohnya dalam 24 – 28; (2) makna kognisi yang dicontohkan oleh konstruksi 29 – 38; (3) makna penelitian yang diungkapkan oleh konstruksi 39 – 47; (3) makna interaksi sosial yang diperikan oleh contoh 48 – 52; dan (4) makna gramatikalisasi yang distrukturkan oleh konstruksi 53 – 56.

	Biar matanya sendiri	<b>melihat.</b>	
1			
2	Jeha cuba	<b>melihat</b>	ke tengah sawah lagi.
3	Zamri	<b>melihat</b>	ke arah anak muda yang berkulit sawo matang itu.
4	Untuk seketika, aku terlupa yang Ainon tidak dapat	<b>melihat.</b>	
5	Baizura	<b>melihat</b>	wajah Shoba.
6	Matanya	<b>melihat</b>	api yang kian marak.
7	Nenek Sandang Samirah tercegat	<b>melihat</b>	tingkah laku cucunya.
8	Awang Cik Teh tidak pun beralih	<b>melihat</b>	Keghesum pergi.
9	... maka kata orang banyak itu, 'Marilah kita	<b>melihat</b>	temasya Laksamana bertikam dengan Si Jebat itu.
10	Dari balik jendela yang terbuka, Tamin	<b>melihat</b>	air embun yang menitis.
11	Mulalah mata melilau	<b>melihat</b>	gerai yang berderetan menjual makanan.
12	Bapaku bagai mengeluh setelah berpaling	<b>melihat</b>	aku terlentang di tengah-tengah lopak yang baru

13	Lamin	<b>melihat</b>	dilaluinya.
14	Dia kembali	<b>melihat</b>	dengan terkebil-kebil.
15	Shahirah termenung di tingkap	<b>melihat</b>	tempat Salina bersembahyang tadi.
16	Cikgu Mansur	<b>melihat</b>	ibunya menyiram pokok bunga.
17	Gambar ini dirakamkan sewaktu aku	<b>melihat</b>	jam di tangan.
18	Di sinilah tempat saya	<b>melihat</b>	pesta di bandar Mexico.
19	Tiba-tiba Mukmin	<b>melihat</b>	pertunjukan Dolphin.
20	Saya pernah	<b>lihat</b>	air di depannya berkocak dan berpusar-pusar. dia menconteng warna daripada akar-akar kayu pada kulit binatang itu.
21	Senja semalam, aku	<b>lihat</b>	dia ada di dalam rumahnya.
22	Penggemarnya tidak kira usia, tua dan muda, di mana-mana	<b>dilihat</b>	anggun saja memakai tudung bawal
23	Mami dan Aci semakin	<b>dilihat</b>	cantik oleh panahan lampu neon yang bersinar
24	Dan Jeha bersama anak-anak berloncatan lagi bila	<b>melihat</b>	bunyi traktor dibawa oleh orang suruhan Tuk Penghulu.
25	Dia ke belakang mahu	<b>melihat</b>	bunyi apakah itu.
26	Dia ingin mencipta lagu dan ingin	<b>melihat</b>	<i>lagu-lagu</i> ciptaannya nanti dimainkan di corong radio
27	Ibu Mariah panik	<b>melihat</b>	kesakitan yang tiba-tiba datang menyerang itu
28	Rangsangan akan dapat	<b>dilihat</b>	apabila anda menumpukan bahagian ini.
29	Apabila berbicara tentang cerpen Melayu Singapura sekarang ini, kami	<b>melihat</b>	bahawa pada umumnya ada dua jalur penulisan kritik sosial.
30	Dang Suria	<b>melihat</b>	ada kebimbangan di wajah ibunya.
31	Daripada contoh-contoh tersebut dapat	<b>dilihat</b>	bahawa daripada sudut keselarasan istilah, bentuk kata akar yang terdiri daripada kata kerja atau kata sifat boleh diterima sebagai dasar pemilihan kerana tidak berlaku ketakselarasan istilah apabila kaedah ini digunakan.
32	Mak Haji menjenguk ke dalam dirinya sebentar	<b>melihat</b>	nasib yang diterimanya.
33	Jika	<b>dilihat</b>	secara positif akan soal kesedaran hak asasi di Malaysia akan didapati ada banyak tanda yang membuktikan bahawa rakyat sudah pun bergerak melalui saluran yang sah dan bersifat demokrasi bagi menuntut keadilan.
34	Apabila ia berangan-angan pula, ia akan	<b>melihat</b>	dirinya sebagai sultan sebenar dengan pakaian yang bersinar-sinar.
35	Cikgu Juliana yang mengajar Midun seperti tidak sanggup	<b>melihat</b>	hukuman yang akan dilakukan oleh guru besar.
36	Kebanyakan orang	<b>melihat</b>	sastera sebagai sumber hiburan.
37	Dikata demikian kerana aktiviti pembinaan	<b>dilihat</b>	akan bertambah cergas bagi tempoh tersebut
38	Ahli nujum itu telah	<b>melihat</b>	dalam tilikannya dan mengatakan bahawa Putera Kiambang sedang pergi ke suatu tempat dan dia akan kembali pada suatu ketika nanti.
39	Bagi tujuan kertas kerja ini, saya ingin	<b>melihat</b>	peranan bahasa dalam tugas-tugas rasminya bagi semua bangsa di Malaysia.

40	Dalam bab ini pula kita akan	<b>melihat</b>	secara terperinci struktur tabii gen dengan kajian yang dikenali sebagai analisis struktur halus gen.
41	Kaedah ini adalah	<b>melihat</b>	secara terus ke dalam paru-paru pesakit.
42	Laparaskopi - satu pembedahan kecil yang dilakukan untuk membolehkan doktor	<b>melihat</b>	struktur dalam abdomen anda.
43	Lina	<b>melihat</b>	surat itu dengan teliti.
44	Saya sempat	<b>melihat</b>	buku ini secara menyeluruh dan mencatat beberapa pemerhatian.
45		<b>Lihat</b>	Asmah Haji Omar, 1986, Bab 4.
46	Untuk penerangan yang lebih lanjut,	<b>lihat</b>	Bab 8.
47	Stalaktit dan stalagmit dapat	<b>dilihat</b>	di dalam beberapa gua dalam air laut ini.
48	Pada suatu petang, aku pergi	<b>melihat</b>	Pak Manaf di lombong tempat dia bekerja.
49	Ibunya datang	<b>melihat</b>	Lee di rumah datuk sebulan sekali membawakannya makanan.
50	Banyak nanti orang datang	<b>melihat</b>	ibu sakit.
51	Belum puas rasanya	<b>melihat</b>	kota Beijing, namun kami terpaksa meninggalkan kota ini.
52	Dan dimintanya tolong kepada mereka	<b>melihat</b>	rumahnya.
53		<b>Melihat</b>	adiknya dipukul, Aziah menggigit tangan mak cik.
54		<b>Melihat</b>	kata-kata sendaannya tidak disambut oleh kawan-kawan lain, Minhat meneruskan cakapnya.
55		<b>Melihat</b>	kepada statistik ini amat jelas, belia hari ini memerlukan satu pendekatan baru yang mampu merangsang minda dan menyuburkan nilai murni.
56		<b>Melihat</b>	kepada pandangan dan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Qaradawi, jelas sekali perlunya kecermatan dan kejituan dalam menangani sesuatu persoalan kemungkaran.

RAJAH 2. Sebahagian daripada baris konkordans yang dipilih untuk contoh penggunaan *lihat*, *melihat* dan *dilihat* daripada pangkalan data korpus

Jika diperhatikan ayat korpus 1 – 24 di dalam Rajah 2, pengkaji mendapati bahawa makna teras yang membabitkan visual dapat dikelompokkan kepada tiga ciri semantik, iaitu yang pertama tentang aktiviti visual seperti dalam ayat 1 – 18, dan yang kedua tentang pengalaman visual seperti dalam ayat 19 – 21. Manakala, ciri yang ketiga pula tentang penampilan visual, iaitu penilaian atau pendapat yang dibuat oleh seseorang terhadap objek atau entiti sebagai akibat daripada pengalaman visual dan penggunaan ini dicontohkan oleh ayat 22 dan 23. Secara sintaksisnya, barisan ayat korpus yang disenaraikan di dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa FN yang diwakili oleh manusia, iaitu makhluk bernyawa yang dapat merasa menempati posisi subjek kata kerja *melihat* dalam semua konstruksi tersebut, dan FN yang diwakili oleh objek fizikal atau perbuatan fizikal pula menduduki tempat objek dan bertindak sebagai objek langsung kepada kata kerja ini. Misalnya, daripada rajah tersebut, objek fizikal untuk kata kerja *melihat* ini dapat diperhatikan dalam ayat contoh 5 (*wajah Shoba*) dan 16 (*jam*), manakala FN objek yang mewakili perbuatan fizikal pula dapat dicontohkan oleh ayat 7 (*tingkah laku cucunya*), ayat 8 (*Keghesum pergi*), dan ayat 18 (*pertunjukan Dolphin*). Kehadiran dua (2)



jenis objek, iaitu entiti fizikal dan perbuatan fizikal dalam mencorakkan pola komplemen kata kerja *melihat* ini ada dampak semantik dan relevan leksikografisnya terhadap pola kesinoniman kata ini, jika perbandingan interkategori dilakukan. Misalnya, dalam ayat 1 di bawah (ayat 5 dalam Rajah 4.1) kata *melihat* boleh bertukar ganti dengan sebilangan besar kata kerja persepsi visual yang lain – *memandang*, *menengok*, *merenung* dsb. Berbeza pula keadaannya dalam ayat 2 (ayat 18 dalam Rajah 2), iaitu terhad bilangan kata persepsi visual yang cocok mendamping FN objeknya (*pertunjukan Dolphin*) yang bercirikan perbuatan fizikal.

- (1) Baizura *melihat/memandang/merenung* wajah Shoba.
- (2) Di sinilah tempat saya *melihat/memandang/menyaksikan/merenung* pertunjukan Dolphin.

Seterusnya dalam contoh 24 – 28 (dipaparkan kembali di bawah ini sebagai ayat 3 – 7) pengkaji menemukan pola penggunaan kata *melihat* dalam ranah persepsi bukan visual, iaitu dalam modaliti deria dengar dan deria rasa. Makna ini masih belum lagi dirakamkan penggunaan oleh mana-mana kamus Melayu. Dalam ayat 12 dan 13, *bunyi* bukanlah objek fizikal yang dapat dilihat oleh mata, sebaliknya dapat dikesan kewujudannya oleh telinga, iaitu organ deria dengar. Sama halnya juga dengan *lagu* (5) yang bukan entiti fizikal yang dapat dicerap oleh mata, tetapi dapat dinikmati iramanya dan dijadikan sajian halwa telinga yang menjadi organ utama dalam sistem auditori manusia. Dalam ayat 6 dan 7 pula, kata *melihat* digunakan untuk menggambarkan pengalaman deria rasa fizikal, iaitu *kesakitan* (6) dan *rangsangan* (7) lebih memiliki ciri deria rasa daripada sifat deria pandang.

- (3) Dan Jeha bersama anak-anak berloncatan lagi bila *melihat* bunyi traktor dibawa oleh orang suruhan Tuk Penghulu.
- (4) Dia ke belakang mahu *melihat* bunyi apakah itu.
- (5) Dia ingin mencipta lagu dan ingin *melihat* lagu-lagu ciptaannya nanti dimainkan di corong radio.
- (6) Ibu Mariah panik *melihat* kesakitan yang tiba-tiba datang menyerang itu.
- (7) Rangsangan akan dapat *dilihat* apabila anda menumpukan bahagian ini.

Penggunaan kata *melihat* dalam ranah kognisi diperikan oleh kamus yang dirujuki dan hanya dua contoh konsep teras aktiviti mental yang terakam, iaitu “mengetahui” dan “meramalkan”. Walau bagaimanapun, kajian ini menemukan beberapa lagi penggunaan kata *melihat* untuk mengungkapkan konsep teras aktiviti mental yang lain seperti “mendapat tahu atau mendapati” (8 atau 30 dalam Rajah 2) “memahami” (9 atau 31 dalam Rajah 2) “memikirkan” (10 atau 32 dalam Rajah 2) “membayangkan” (11 atau 34 dalam Rajah 2) dan “mengangap” (12 atau 36 dalam Rajah 2)

- (8) Dang Suria *melihat* ada kebimbangan di wajah ibunya.
- (9) Daripada contoh-contoh tersebut dapat *dilihat* bahawa daripada sudut keselarasan istilah, bentuk kata akar yang terdiri daripada kata kerja atau kata sifat boleh diterima sebagai dasar pemilihan kerana tidak berlaku ketakselarasan istilah apabila kaedah ini digunakan.
- (10) Mak Haji menjenguk ke dalam dirinya sebentar *melihat* nasib yang diterimanya.
- (11) Apabila ia berangan-angan pula, ia akan *melihat* dirinya sebagai sultan sebenar dengan pakaian yang bersinar-sinar.

- (12) Kebanyakan orang *melihat* sastera sebagai sumber hiburan.

Daripada penyelisikan data korpus juga, ditemukan satu lagi pola penggunaan metaforikal kata *melihat*, iaitu makna yang dikategorikan oleh kajian ini mengandungi komponen “penelitian”. Ciri komponen penelitian ini dapat diperhatikan dalam penggunaan yang berikut:

- (13) Bagi tujuan kertas kerja ini, saya ingin *melihat* peranan bahasa dalam tugas-tugas rasminya bagi semua bangsa di Malaysia.  
(14) Laparaskopi - satu pembedahan kecil yang dilakukan untuk membolehkan doktor *melihat* struktur dalam abdomen anda.  
(15) Dia bercerita itu tanpa *melihat* teks.  
(16) *Lihat* Asmah Haji Omar, 1986, Bab 4.  
(17) Stalaktit dan stalagmit dapat *dilihat* di dalam beberapa gua dalam air laut ini.

Dalam 13 (ayat 39 dalam Rajah 2) kata *melihat* dapat diparafasakan maknanya sebagai “mengkaji atau meneliti sesuatu”, iaitu melakukan pengkajian atau penelitian tentang sesuatu atau dalam konteks ayat tersebut mengkaji peranan bahasa dalam fungsinya yang rasmi bagi semua bangsa di Malaysia. Untuk penggunaan dalam contoh 14 (ayat 42 dalam Rajah 2), kata *melihat* dapat pula diparafasakan maknanya sebagai “memeriksa” atau dalam konteks yang lebih khusus untuk ayat tersebut “memeriksa keadaan kesihatan seseorang”. Seterusnya, contoh 15 (ayat 44 dalam Rajah 2) mengungkapkan makna “membaca”. Dalam contoh 16 (ayat 45 dalam Rajah 2) kata *lihat* digunakan dalam bentuk imperatif dengan tujuan pragmatiknya untuk memberitahu seseorang (pembaca) tentang tempat atau lokasi halaman teks sesuatu maklumat itu berada. Konstruksi ini banyak ditemukan di dalam data korpus. Contoh 17 (ayat 47 dalam Rajah 2) pula menunjukkan penggunaan kata *melihat* dalam ranah pencarian dan dapat diparafasakan sebagai “ditemukan”. Semua potensi makna kata *melihat* yang ditemukan di dalam korpus dan dikelompokkan sebagai mengandungi makna [+penelitian] ini masih belum dirakamkan penggunaannya di dalam kamus. Kelompok makna seterusnya yang ditemukan di dalam korpus ialah makna sosial, iaitu kata *melihat* berfungsi untuk merealisasikan komponen konseptual dalam ranah interaksi atau hubungan sosial. Kamus sudah merakamkan penggunaan kata ini, khususnya untuk makna “melawat atau menziarahi orang sakit”. Walau bagaimanapun, ada beberapa penggunaan berikut yang ditemukan di dalam data korpus dan potensi makna ini masih belum lagi dirakamkan oleh mana-mana kamus yang dirujuki.

- (18) Belum puas rasanya *melihat* kota Beijing, namun kami terpaksa meninggalkan kota ini. (Ayat 52 dalam Rajah 2)  
(19) Pada suatu petang, aku pergi *melihat* Pak Manaf di lombong tempat dia bekerja. (Ayat 48 dalam Rajah 2)  
(20) Dan dimintanya tolong kepada mereka *melihat* rumahnya. (Ayat 53 dalam Rajah 2)

Dalam contoh 18, kata *melihat* menerbitkan nuansa makna melawat dalam dalam ranah melancong yang melibatkan aktiviti berkunjung ke sesuatu tempat untuk tujuan riadah atau melancong. Untuk contoh 19 pula, kata *melihat* dapat diparafasakan sebagai “bertemu”, iaitu berjumpa dengan seseorang untuk pelbagai tujuan sosial. Manakala

dalam ayat 20 pula, kata *melihat* dapat diparafrasakan sebagai “menjaga atau melindungi” yang bermaksud melakukan sesuatu yang perlu terhadap seseorang atau sesuatu yang memerlukan pertolongan atau perlindungan. Melalui penyelisikan data juga, pengkaji mendapati bahawa kata *melihat* mengalami proses lunturan semantik (*semantic bleaching*), iaitu luntarnya kandungan semantik atau leksikal yang terdapat pada kata ini. Sebagai akibat daripada kehilangan kandungan leksikal ini, kata *melihat* memperoleh satu ciri yang lain pula, iaitu fungsi nahuan (*grammatical functions*) yang memberikan makna pragmatik yang tidak dimilikinya sebelum ini. Gejala perubahan bahasa ini dikenal juga sebagai proses gramatikalisasi (*grammaticalisation* atau *grammaticisation*) (Evans & Green 2006: 707-40; Hopper & Traugott 2003:94-98). Dan, gejala gramatikalisasi ini tampak pada penggunaan kata *melihat* untuk mengungkapkan fungsi nahuan sebagai kata hubung, iaitu “oleh sebab” seperti dalam konstruksi ayat 21 (ayat 54 dalam Rajah 2) dan “melalui atau mengikut” seperti dalam contoh 22 (ayat 56 dalam Rajah 2). Kedua-dua pola penggunaan ini masih belum lagi dirakamkan oleh kamus yang dirujuki.

- (21) *Melihat* adiknya dipukul, Aziah menggigit tangan mak cik.
- (22) *Melihat* kepada pandangan dan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Qaradawi, jelas sekali perlunya kecermatan dan kejituan dalam menangani sesuatu persoalan kemungkaran.

#### DAPATAN ANALISIS: POLA RANAH SEMANTIK MELIHAT BERDASARKAN FRAME SEMANTICS DAN DATA FRAMENET

Dalam FrameNet, ahli leksikografi atau para pekamusnya akan merakamkan setiap unit leksikal (UL) atau sensa kamus; merekodkan setiap konstruksi penting dan yang mempunyai relevan leksikografis bagi setiap kata yang ditemui penggunaannya di dalam korpus (Atkins, et al., 2003). Dengan berdasarkan pangkalan data FrameNet dan untuk penggunaan atau **makna teras**, kajian ini mendapati bahawa unit leksikal (UL) *melihat* boleh muncul dalam tiga ranah persepsi, iaitu ranah [PERSEPSI\_AKTIF], [PERSEPSI\_PENGALAMAN] dan ranah [PENAMPILAN]. Oleh itu, kata kerja *melihat* mempunyai tiga perilaku semantik yang berbeza, iaitu yang pertama memanifestasikan struktur konseptual yang berkaitan dengan **aktiviti visual** dan unit leksikal ini beroperasi daripada ranah [PERSEPSI\_AKTIF], yang kedua kata *melihat* berfungsi untuk mengungkapkan **pengalaman visual** dan komponen konseptual ini berada dalam ranah semantik [PERSEPSI\_PENGALAMAN] dan yang ketiga pula *melihat* (lazimnya dalam bentuk pasif *dilihat*) muncul dalam ranah [PENAMPILAN] untuk menyerlahkan struktur konseptual tentang **penampilan visual**, iaitu komponen yang mengungkapkan ciri atau imej yang digambarkan kepada seseorang atau sesuatu objek hasil daripada pengalaman visual yang dilaluinya.

- (23) [Dising PENANGGAP\_AKTIF] **melihat**[wajah isterinya FENOMENA].
- (24) [Jeha PENANGGAP\_AKTIF] **melihat** [ke ARAH][langit FENOMENA].
- (25) [Saat itu MASA] [aku PENANGGAP\_PASIF] **lihat**[ayah tersenyum FENOMENA].
- (26) Tiba-tiba [dia PENANGGAP\_PASIF] **melihat** [pintu penjara menganga FENOMENA] [di hadapannya LATAR].
- (27) [Pelakon drama Kisah Kaisara itu PENANGGAP\_PASIF] berkata, [Allahyarham FENOMENA][yang turut menghidap kencing manis dan darah tinggi GAMBARAN SIFAT]

**dilihat** [sihat<sub>PENILAIAN</sub>] tetapi [dia dapat merasakan sesuatu yang berbeza sejak akhir-akhir ini<sub>INFERENS</sub>].

Contoh (23) dan (24) merupakan realisasi sintaksis kata *melihat* yang beroperasi dalam ranah [PERSEPSI\_AKTIF]. *Dising* (23) dan *Jeha* (24) ialah tipa semantik yang berupa makhluk bernyawa yang dapat merasa (*sentient*) dan peran semantiknya pula ialah PENANGGAP\_AKTIF yang bersifat agentif. FENOMENA yang diungkapkan oleh FN *wajah isterinya* (23) dan *langit* dengan elemen ARAH yang ditandai oleh FP *ke arah* (24) dicerap oleh penanggap secara sedar atau dengan sengaja. Bukti korpus dalam ayat (25) dan (26) pula ialah contoh untuk ranah [PERSEPSI\_PENGALAMAN]. Secara semantik, *aku* (25) dan *dia* (26) mewakili peran semantik daripada kumpulan PENANGGAP\_PASIF yang menerima peristiwa visual *ayah tersenyum* (25) dan *pintu penjara menganga* (26) secara tidak sengaja atau luar daripada kawalan mereka. Ayat (27) menampilkan contoh penggunaan kata *melihat* atau *dilihat* dalam merealisasikan komponen konseptual ranah [PENAMPILAN] dengan beberapa elemen yang menerbitkan ranah ini. Selain penggunaan teras tentang persepsi visual, kata *melihat* turut menampilkan kembangan penggunaan kepada sekurang-kurangnya dua modalitas deria, iaitu deria dengar dan deria rasa yang kedua-duanya menunjukkan ciri aktiviti dan juga pengalaman persepsi. Dalam konteks penggunaan ini, kata *melihat* masih lagi beroperasi daripada dua ranah persepsi, iaitu [PERSEPSI\_AKTIF] dan [PERSEPSI\_PENGALAMAN]. Walau bagaimanapun kata *melihat* bukan lagi mempamerkan makna visualnya tetapi telah mengungkapkan struktur konseptual yang menjadi ciri perseptual modalitas deria dengar dan deria rasa dengan makna prototaip masing-masing, iaitu “mendengar” (28) dan “berasa” (29 – 30).

- (28) [Jeha bersama anak-anak<sub>PENANGGAP\_AKTIF</sub>] berloncatan lagi bila *melihat*[bunyi trakto<sub>FENOMENA</sub>] dibawa oleh orang suruhan Tuk Penghulu.
- (29) [Ibu Maria<sub>PENANGGAP\_PASIF</sub>] panik *melihat*[kesakitan<sub>FENOMENA</sub>] yang tiba-tiba datang menyerang itu.
- (30) [Suasana santai lagi menyamakan<sub>FENOMENA</sub>] dapat *dilihat*[sebaik melangkah kaki ke spa in yang menggunakan dekorasi bercirikan kerimbaan<sub>LATAR</sub>] [PENANGGAP\_PASIF]

Untuk penggunaan **makna kembangan** pula, kajian ini mendapati bahawa unit leksikal *melihat* dapat menyertai beberapa ranah semantik yang bukan persepsi. Misalnya, bagi komponen konseptual yang membabitkan kognisi, kata *melihat* ditemukan fungsinya untuk menerbitkan beberapa ranah semantik seperti yang dikelompokkan di dalam Jadual 2. Berdasar pada penyelidikan dan penemuan daripada data korpus seperti yang dibincangkan di bahagian 4, dan berpandukan acuan FrameNet, kata *melihat* mempunyai ciri semantik yang boleh muncul dalam: (1) ranah [TAHU] untuk memanifestasikan komponen konseptual “mendapat tahu tentang sesuatu dengan mata sama ada secara kebetulan atau sengaja”; (2) ranah [PERCAYA] untuk mengungkapkan makna “mengetahui ada maklumat berdasarkan taakulan bukti visual”; (3) ranah [PEMAHAMAN] untuk menjelmakan komponen makna “mengetahui atau memahami sesuatu sifat dan/atau kesignifikan sesuatu objek atau situasi”; (4) ranah [KESEDARAN] untuk merealisasikan pengkonseptualisasian dua aktiviti mental, iaitu (a) “memikirkan, iaitu mempunyai suatu pendapat atau kepercayaan tertentu tentang seseorang atau

sesuatu” dan (b) “membayangkan seseorang atau sesuatu”; (5) ranah [JANGKAAN] untuk menerbitkan komponen “meramalkan atau menduga”; dan (6) ranah [PENGKATEGORIAN] untuk melahirkan konsep mental yang diparafrasakan sebagai “menanggap seseorang atau sesuatu sebagai”. Jadual 1 menunjukkan anotasi ayat contoh dengan menampilkan beberapa elemen ranah yang yang menerbitkan ranah yang dinyatakan di atas.

JADUAL 1. Unit leksikal *melihat* muncul dalam pelbagai ranah kognisi dengan contoh anotasi elemen ranahnya

UI/Makna	Ranah	Buktian Korpus
<b>UL – 1</b> mendapat tahu akan sesuatu dengan mata sama ada secara kebetulan atau sengaja	[TAHU]	[Dia KOGITATOR] terkejut apabila <b>melihat</b> [ada kasut FENOMENA][di bawah tangga LATAR]. [Emak KOGITATOR] terperanjat <b>melihat</b> [badanku FENOMENA] [habis lebam sana sini BUKTI]. [Kesan-kesan wujudnya kawasan tersebut FENOMENA] masih dapat <b>dilihat</b> [di sekitar pekan kecil Lahat BUKTI].
<b>UL – 2</b> mengetahui ada maklumat berdasarkan taakulan buktian visual	[PERCAYA]	[Dayang Suria KOGITATOR] <b>melihat</b> [ada kebimbangan KANDUNGAN] [di wajah ibunya BUKTI].  [Dari huraian di atas BUKTI], [kita KOGITATOR] melihat [bahawa perkembangan bahasa terjadi secara wajar KANDUNGAN]. [Apabila berbicara tentang cerpen Melayu Singapura sekarang ini TOPIK],[kami KOGITATOR] melihat [bahawa pada umumnya ada dua jalur penulisan kritik sosial KANDUNGAN].
<b>UL – 3</b> mengetahui/memahami sst	[PEMAHAMAN]	[Dalam bab ini BUKTI] [kita KOGITATOR] akan <b>melihat</b> [bagaimana British mengukuhkan kuasanya di negeri-negeri Melayu FENOMENA]. Sekali-sekala, elok [kita KOGITATOR] cuba <b>melihat</b> [dunia ini FENOMENA] [dari pandangan anak kecil RUJUKAN_SUDUT].  [Kesimpulan KANDUNGAN] yang boleh [kita KOGITATOR] <b>lihat</b> [dengan jelas CARA] ialah [sungguhpun amplitudnya sama tinggi, tetapi jarak gelombangnya bertambah kecil apabila frekuensinya semakin meninggi TOPIK].
<b>UL – 4</b> memikirkan sst	[KESEDARAN]	[Mak Haji KOGITATOR] menjenguk ke dalam dirinya sebentar, <b>melihat</b> [nasib yang diterimanya KANDUNGAN]. Sebaliknya, [orang ramai KOGITATOR] patut <b>melihat</b> [yang positif KANDUNGAN] [tentang polis TOPIK]. Menurut Stephen, [MPPK KANDUNGAN] wajar <b>dilihat</b> [secara positif CARA] kerana [ia merupakan platform rasmi yang menemukan antara kerajaan dan mahasisw TOPIK].
<b>UL – 5</b> membayangkan sso atau sst	[KESEDARAN]	...maka ia akan terus hidup di dalam dunia angan-angannya, dan [ia KOGITATOR] akan <b>melihat</b> [dirinya KANDUNGAN] [sebagaimana yang disukainya KANDUNGAN]. <b>Melihat</b> [masa hadapannya KANDUNGAN] dan masa hadapan keturunannya ia merasa kaget. [Anda KOGITATOR] boleh menggunakan daya imaginasi untuk <b>melihat</b> [situasi baru yang anda angan-angankan KANDUNGAN].
<b>UL – 6</b> meramalkan atau menduga	[JANGKAAN]	Dikatakan demikian kerana [aktiviti-aktiviti pembinaan FENOMENA] <b>dilihat</b> [akan menjadi bertambah cergas bagi tempoh tersebut BUKTI].

<p><b>UL – 7</b> menganggap (sso atau sst) dengan cara tertentu</p>	<p>[PENGKATEGORIAN]</p>	<p>[Ahli nujum itu <small>KOGITATOR</small>] telah <b>melihat</b> [dalam tilikannya <small>BUKTI</small>] dan mengatakan [bahawa Putera Kiambang <small>FENOMENA</small>][ sedang pergi ke suatu tempat dan dia akan kembali pada suatu ketika nanti <small>GAMBARAN</small>]. Dengan demikian, [berdasarkan fenomena pada ketiga-tiga bait itu <small>BUKTI</small>], [saya <small>KOGITATOR</small>] dapat <b>melihat</b> [beberapa kemungkinan <small>FENOMENA</small>] yang saya rumuskan seperti yang berikut... Sepanjang perbualan kami, [Puan Zarina <small>ITEM</small>] <b>dilihat</b> sebagai [seorang individu yang tidak cerewet <small>KATEGORI</small>] [dalam soal pemakanan <small>KRITERIA</small>]. [Seni dan hiburan <small>ITEM</small>] [dalam kerangka keseluruhan kehidupan <small>KRITERIA</small>] <b>dilihat</b> [oleh Islam <small>KOGITATOR</small>] [sebagai sesuatu yang perlu ada <small>KATEGORI</small>]. [Sebagai kontraktor <small>KRITERIA</small>], [kami <small>KOGITATOR</small>] <b>melihat</b> [persaingan <small>ITEM</small>] sebagai [satu perkara yang sihat <small>KATEGORI</small>].</p>
---	-------------------------	--

Seterusnya, unit leksikal *melihat* dapat diperhatikan perilaku semantiknya dalam pelbagai ranah yang mengandungi komponen konseptual “penelitian”. Berdasarkan pangkalan data FrameNet, kajian ini mengenal pasti beberapa ranah semantik yang menjadi wadah beroperasinya kata *melihat* untuk menampilkan komponen konseptual penelitian ini. Antaranya termasuklah (1) ranah [MEMBACA] sebagai memantapkan potensi makna “membaca”; (2) ranah [RUJUKAN TEKS] untuk menunjangi makna imperatif, iaitu “memberitahu halaman dalam sesuatu teks”; (3) ranah [PENELITIAN] bagi menghadirkan makna “meneliti atau mengkaji”; (4) ranah [PEMERIKSAAN] sebagai merealisasikan makna “memeriksa dengan teliti untuk menentukan dan mengetahui keadaan sesuatu”; dan (5) ranah [MENCARI] untuk menimbulkan makna “mencari seseorang atau sesuatu”. Jadual 2 menunjukkan ranah dan contoh anotasi elemen ranah yang menerbitkan potensi makna metaforikal ini.

JADUAL 2. Unit leksikal *melihat* muncul dalam pelbagai ranah penelitian dengan contoh anotasi elemen ranahnya

UI/Makna	Ranah	Buktian Korpus
<p><b>UL – 1</b> membaca</p>	<p>[MEMBACA]</p>	<p>[Saya <small>PEMBACA</small>] sempat <b>melihat</b> [buku ini <small>TEKS</small>] [secara menyeluruh <small>DARJAH</small>] dan mencatat beberapa pemerhatian. [Semasa soalan menguji kefahaman dikemukakan <small>MASA</small>], [calon <small>PEMBACA</small>] dibenarkan <b>melihat</b> [petikan karangan itu <small>TEKS</small>] kembali [supaya calon itu dapat mencari jawapannya <small>TUJUAN</small>].</p>
<p><b>UL – 2</b> memberitahu hlm dlm teks</p>	<p>[RUJUKAN TEKS]</p>	<p><b>Lihat</b> [Asmah Haji Omar, 1986, Bab 4 <small>SUMBER_MAKLUMAT</small>].  [Untuk penerangan yang lebih lanjut <small>MAKLUMAT</small>], <b>lihat</b> [Bab 8 <small>SUMBER_MAKLUMAT</small>].</p>
<p><b>UL – 3</b> mengkaji atau meneliti sesuatu</p>	<p>[PENELITIAN]</p>	<p>[Dr. Abdul Latif Ibrahim <small>KOGITATOR</small>] akan melihat [pandangan Islam <small>LATAR</small>] tentang [bioteknologi dalam pertanian dan pengeluaran makanan <small>FENOMENA</small>]. [Saya <small>KOGITATOR</small>] telah mencuba mengesan proses ini untuk <b>melihat</b> [bagaimana teks ini direkonstruksi menjadi teks yang ada sekarang ini, dari bahasa Sansekerta ke dalam</p>

UL – 4 memeriksa	[PEMERIKSAAN]	bahasa Jawa dan kemudian ke dalam Bahasa Melayu Klasik <small>LATAR</small> ]. [Doktor <small>PEMERIKSA</small> ] akan menggunakan [kaedah endoskopi <small>WAHANA</small> ] untuk cuba <b>melihat</b> [kanser tersebut <small>ENTITI_BUKAN INGINAN</small> ]. [Pesakit <small>LATAR</small> ] bukan kritikal akan <b>dilihat</b> [dalam masa 48 jam <small>MASA</small> ]. [ <small>PEMERIKSA</small> ] [ <small>ENTITI_BUKAN INGINAN</small> ] [Jika anda ingin membuat tempahan <small>TUJUAN</small> ], sila pastikan [anda <small>PEMERIKSA</small> ] <b>melihat</b> terlebih dahulu [jadual aktiviti kami <small>LATAR</small> ].
UL – 5 mencari	[PENCARIAN]	[Pak Long <small>AGEN</small> ] [sudah ke kebun semula barangkali <small>GAMBARAN</small> ] <b>melihat</b> [buah-buah yang masak <small>ENTITI_CARIAN</small> ][[untuk dibawa balik ke rumah <small>TUJUAN</small> ]. [Untuk mengukuhkan lagi kedudukannya <small>TUJUAN</small> ], [Cartoon Network <small>AGEN</small> ] terpaksa <b>melihat</b> [pasaran <small>KEADAAN_CARIAN</small> ] [di luar Amerika Syarikat <small>TEMPAT</small> ].

Untuk potensi makna yang mengandungi komponen sosial, UL *melihat* diperhatikan turut menganggotai beberapa ranah yang dikelompokkan oleh kajian ini sebagai ranah interaksi sosial. Antaranya termasuklah: (1) ranah [ZIARAH] dengan merealisasikan komponen konseptual yang diparafrasakan oleh kamus sebagai “melawat seseorang yang sedang sakit”; (2) ranah [MELANCONG] dengan menyuguhkan makna “melawat atau mengunjungi sesuatu tempat menarik”; dan (3) ranah [PERTEMUAN] dengan mengungkapkan makna “berjumpa atau bertemu dengan seseorang”. Jadual 3 menampilkan UL *melihat* untuk menampilkan penggunaan sosial ini.

JADUAL 3. Unit leksikal *melihat* muncul dalam pelbagai ranah interaksi sosial dengan contoh anotasi elemen ranahnya

UI/Makna	Ranah	Buktian Korpus
UL -1 melawat seseorang yang sedang sakit dan sebagainya	[ZIARAH]	Banyak nanti [orang <small>TEMA</small> ] datang <b>melihat</b> [ibu <small>MATLAMAT</small> ] sakit [ <small>KEADAAN_MATLAMAT</small> ]. [Ibunya <small>TEMA</small> ] datang <b>melihat</b> [Lee <small>MATLAMAT</small> ] [di rumah datuk <small>TEMPAT</small> ] [sebulan sekali <small>DURASI</small> ] membawakannya makanan.
UL – 2 melawat atau mengunjungi sesuatu tempat menarik	[MELANCONG]	[Kami <small>PELANCONG</small> ] dibawa <b>melihat</b> [sekitar Pengkalan Kempas <small>TARIKAN</small> ] [yang suatu ketika dulu menjadi pelabuhan transit kepada pedagang rempah ratus sebelum berlayar ke Melaka <small>GAMBARAN</small> ]. Selesai menjamu selera, [kami <small>PELANCONG</small> ] meneruskan perjalanan ke Kuantan untuk <b>melihat</b> [tarikan pelancongan di bandar ini <small>TARIKAN</small> ].
UL – 3 berjumpa atau bertemu dengan seseorang	[PERTEMUAN]	Pada suatu petang, [aku <small>INDIVIDU 1</small> ] pergi <b>melihat</b> [Pak Manaf <small>INDIVIDU 2</small> ] [di lombong <small>TEMPAT</small> ] tempat dia bekerja. “[Mereka <small>KUMPULAN</small> ] akan datang <b>melihat</b> [encik <small>INDIVIDU</small> ] dan ambil gambar encik.”

Kelompok potensi makna yang terakhir ialah makna gramatikalisasi seperti yang dinyatakan di bahagian 4 di atas. Berdasarkan maklumat di pangkalan data FrameNet, penggunaan ini timbul sebagai merealisasikan komponen konseptual yang makna proposisi dan makna nahan masing-masing dapat dijelaskan daripada dua ranah konseptual, iaitu yang pertama ranah [MAKLUMAT\_SUMBER] dan yang kedua ranah

[MUSABAB]. Dalam ayat korpus 31 dan 32, UL *melihat* berfungsi untuk menerbitkan makna proposisi atau dalam bentuk parafrasanya “melalui atau mengikut” manakala dalam contoh 33 dan 34 pula, kata *melihat* beroperasi untuk melaksanakan fungsi nahuan sebagai kata hubung “oleh sebab”.

- (31) **Melihat** kepada [kenyataan ini TEKS], [ahli Umno dan peminat politik di negara ini sepatutnya jelas, pemain cator sebenar dalam Umno adalah bekas presiden Umno ini iaitu Dr Mahathir PROPOSISI].
- (32) **Melihat** kepada [pandangan dan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Qaradawi PERUCAP], [jelas sekali perlunya kecermatan dan kejituan dalam menangani sesuatu persoalan kemungkaran PROPOSISI].
- (33) **Melihat** [kata-kata sendaannya tidak disambut oleh kawan-kawan lain SEBAB], [Minhat meneruskan cakapnya AKIBAT].
- (34) **Melihat** [adiknya dipukul SEBAB], [Aziah menggigit tangan mak cik AKIBAT].

#### DAMPAK LEKSIKOGRAFI: MENYEMAK SEMULA SUBENTRI *MELIHAT*

Pada bahagian ini, kami menyemak dan menuliskan semula makna subentri **melihat** berdasarkan analisis korpus dengan dapatan potensi makna yang dipaparkan di atas dan analisis ranah semantik dengan kerangka teoretis dan berprinsip yang didasarkan acuannya daripada pangkalan data FrameNet seperti yang disenaraikan dapatannya di atas. Untuk tujuan penyemakan dan cadangan penulisan semula subentri **melihat** ini di dalam kamus, kami menggunakan *Kamus Dewan Edisi Keempat*(KD4) (atas dasar autoritatif dan autentiknya) sebagai contoh perbincangan. Contoh subentri **melihat** daripada KD4, dipaparkan di dalam Rajah 3 di bawah.

**melihat 1.** nampak apabila memandang, tidak buta, celik: *ia tidak dapat ~ lagi kerana matanya sudah kabur*; **2.** memandang (menengok, menonton, dll) dgn menggunakan mata: *mereka pergi ke tepi pantai ~ kapal yg terdampar itu*; **3.** menilik, meramal (nasib dll): *~ nasib*; **4.** membuat kesimpulan dgn menggunakan pancaindera, memaklumi (mengetahui dsb) dgn atau setelah melihat (mendengar dsb), meninjau: *setelah ~ raja itu murka, segalanya orang besar-besar semuanya takut gementar tulangnya; dlm hal ini kita cuba ~ beberapa sebab tersebut; dilihat dr sudut bahasa, beliau tidak menyambung pencapaian bahasa dlm cerpen-cerpen Keris Mas*; **5.** melawat (orang sakit dll), menziarahi: *~ orang sakit; ~ bulan datang haid*;

RAJAH 3. Pendeskripsian makna subentri **melihat** di dalam KD4

Berdasarkan Rajah 3 di atas, sensa yang melibatkan persepsi visual dipecahkan oleh KD4 kepada dua, iaitu sensa yang pertama dan kedua. Yang pertama tentang keadaan fizikal mata (khususnya tentang fakulti penglihatan itu sendiri) dan yang kedua mengenai aktiviti visual yang dilakukan oleh mata. Berdasarkan analisis dan buktian korpus serta rujukan leksikografi daripada pangkalan FrameNet, kami mendapati bahawa dalam memanifestasikan struktur konseptual terasnya, kata kerja *melihat* beroperasi daripada tiga ranah semantik, iaitu:

1. Ranah [PERSEPSI\_AKTIF] yang menerbitkan makna aktiviti visual dan makna ini sedia terakam di dalam KD4. Di dalam Lampiran ditandai oleh sensa 1 dan sensa 1b.



2. Ranah [PERSEPSI\_PENGALAMAN] yang menerbitkan makna pengalaman visual dan nuansa makna ini masih belum terakam di dalam KD4. Di dalam Lampiran ditandai oleh sensa 1c.
3. Ranah [PENAMPILAN] yang menerbitkan makna penampilan visual dan sensa ini juga masih belum dirakamkan penggunaannya oleh KD4. Di Lampiran, ditandai oleh sensa 1e.

Sebagai hasil daripada analisis, kami mendapati sekurang-kurangnya ada lima pecahan sensa yang melibatkan makna persepsi visual berbanding dengan dua sensa sahaja yang dirakamkan oleh KD4. Selain itu, sensa 2 dan 3 yang dipaparkan di dalam Lampiran merupakan pecahan makna daripada ranah persepsi tetapi dalam dua modalitas deria yang lain, iaitu dengar dan rasa. Kami mendapati bahawa kata kerja *melihat* mempunyai gelagat semantik yang sangat lincah maknanya, iaitu jauh meninggalkan rakaman makna yang dipaparkan oleh kamus. Dengan menyelidik potensi makna daripada buktian korpus dan merujuk data FrameNet, maka makna metaforikal yang membabitkan ranah kognisi dapat kami rincikan dengan lebih halus dan seni lagi gelagat semantiknya, berbanding dengan yang sedia terakam di dalam KD4. Di dalam Lampiran ditunjukkan cadangan penulisan semula subentri **melihat** dengan sensa yang berkaitan dengan makna kognisinya, iaitu urutan sensa 4 hingga 9. Dapatan daripada buktian korpus dan rujukan daripada data FrameNet telah membantu kami menemukan dan seterusnya menulis semula beberapa sensa yang dijemakan oleh penggunaan kata *melihat* untuk enam pola aktiviti mental dalam ranah kognisi. Di dalam KD4, sensa ini dikesani di dalam pecahan makna yang keempat. Walau bagaimanapun, oleh sebab kaedah “longgokon” makna (*lumping*) yang digunakan oleh KD4, kami mendapati pendeskripsian sensa ini agak kurang kemas.

Satu lagi kelompok makna kata *melihat* yang dapat kami selidik daripada data korpus dan kami teliti atau kami analisis gelagat semantiknya berasaskan kerangka teoretis yang diterapkan oleh FrameNet ialah makna penelitian. Makna kembangan ini juga masih belum dirakamkan penggunaan oleh KD4. Daripada dapatan analisis makna ini seperti yang dihuraikan di atas, kami rangkakan pula pemerian makna kamusnya seperti yang dipaparkan di Lampiran, iaitu sensa 10 hingga 13. Dalam KD4 kata *melihat* yang membawa makna melawat dirakamkan sensa ini pada urutan yang kelima. Daripada menyelidikan data korpus yang kami lakukan dan berdasarkan acuan analisis FrameNet yang sangat halus rinciannya itu (*extremely fine-grained*) (Boas, 2009), kami menemukan bahawa beberapa nuansa makna yang dapat diperhatikan terbit sebagai hasil daripada beberapa pola penggunaannya. Dapatan analisis tersebut kami parafrasakan maknanya dan dipaparkan pada urutan sensa 14a dan 14b dalam Lampiran. Daripada analisis yang di atas, kami mendapati satu lagi pola penggunaan kata *melihat* yang masih lagi tidak dirakamkan oleh mana-mana kamus ekabahasa Melayu ialah makna yang mengungkapkan aspek pragmatik, iaitu yang berperanan untuk melaksanakan fungsi diskursif dan komunikatif. Makna pragmatik ini kami parafrasakan seperti yang dalam Lampiran, iaitu di urutan sensa 15 hingga 17.

## KESIMPULAN

Kerencanaan pola penggunaan dan keterpencaran makna suatu kata itu harus diselidik secara berhikmah agar keunikan dan keestetikaan kata sekali gus bahasa itu dapat diserlahkan, misalnya dalam karya leksikografi seperti kamus. Dengan kemajuan yang dicapai oleh teknologi pengkomputeran, khususnya korpus elektronik, kerja menyelidikan makna suatu kata menjadi lebih mudah dan entri kamus yang kita paparkan maknanya itu seharusnya tidaklah seperti yang dikatakan oleh Hanks (2000) terlalu “mencolok kognitif” atau *cognitive salience* – iaitu perkara yang menonjol dalam minda kita apabila kita berfikir dan mengatakan sesuatu tentang bahasa. Dengan kata lain, kita bergantung pada daya introspeksi. Sebaliknya, leksikografi korpus menunjukkan kepada kita bahawa penyajian entri kamus yang dibumbui oleh item-item yang mencolok kognitif ini sebenarnya tidaklah menghasilkan suatu pendeskripsian yang baik bagi suatu bahasa yang hidup dan tumbuh secara bersahaja. Dengan hanya bersandarkan daya introspeksi, tiada ruang untuk kita mendekati atau mengakses bagaimana lincahnya sesuatu kata itu berperilaku dalam sesuatu komuniti bahasa atau bagaimana indah dan kreatifnya bahasa itu disolekkan oleh penuturnya baik secara lisan mahupun dalam tulisan.

Dalam makalah ini, kami telah membuktikan bahawa kata *melihat* yang diselidik pola penggunaan atau maknanya dengan menggunakan data korpus elektronik dan juga internetsangat lincah gelagat semantikanya dan potensi makna yang kami temukan dalam kajian jauh meninggalkan barisan makna yang dirakamkan (tentunya dengan hanya berpandukan kad bahan dan daya introspeksi) oleh beberapa buah kamus ekabahasa Melayu yang diselidiki. Pangkalan data FrameNet yang dibangunkan oleh satu kerangka teoretis yang berbasis menyediakan tapak dan sumber rujukan leksikografis yang sangat besar potensinya untuk dimanfaatkan oleh pekamus dan penerbit kamus yang ingin memulakan projek penyusunan kamus ataupun yang mahu membuat penambahbaikan dalam kerja pendeskripsian semantik sesuatu entri kamus.

## RUJUKAN

- Atkins, B.T.S., Rundell, M., & Sato, H. (2003). The contribution of frameNet to practical lexicography. *International Journal of Lexicography*. Vol 16(3), 333-357.
- Atkins, B.T.S., & Rundell, M. (2008). *The Oxford guide to practical lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Boas, Hans C. (2005). Semantic frames as interlingual representation for multilingual lexical databases. *International Journal of Lexicography*. Vol 18(4), 445-478.
- Boas, Hans C. (pnyt.). (2009). *Multilingual framennets in computational lexicography: Methods and applications*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Boas, Hans C. (2010). The syntax-lexicon continuum in construction grammar: a case study of English communication verbs. *Belgian Journal of Linguistics*. Vol 24, 54-82
- Evans, V. & Green, M. (2006). *Cognitive linguistics: An introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Fillmore, C.J. (1982). Frame Semantics. Dlm Linguistic Society of Korea (pnyt.). *Linguistics in the morning calm* (hlm. 111-137). Seoul: Hanshim Publishing Company.

- Fillmore, C.J. (2006). Frame Semantics. Dlm K.Brown (pnyt.). *Encyclopedia of language and linguistics*(hlm 613-620). Oxford: Elsevier.
- Fillmore, C.J.; Johnson, C.R.; & Petruck, M. (2003). Background to FrameNet. *International Journal of Lexicography*, Vol 16 (3), 235-250.
- Fillmore, C.J., & Baker, C. (2010). A frames approach to semantic analysis. Dlm Heine, Bernd & Narrog, Heiko (pnyt.). *The Oxford handbook of linguistic analysis* (hlm. 313-339). Oxford: Oxford University Press.
- Hanks, P. (2000). Contributions of lexicography and corpus linguistics to a theory of language performance. Dlm Heid, U. et al. (pnyt.), *Proceedings of the Ninth Euralex International Congress. Jilid I* (hlm 3-13). Stuttgart, Germany: IMS, Stuttgart University.
- Hanks, Patrick. (2009). The impact of corpora on dictionaries. Dlm. Baker, Paul (pnyt.), *Contemporary corpus linguistics* (hlm 214-236). London: Continuum.
- Hopper, P.J., & Traugott, E.C.(2003). *Grammaticalization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hornby, A.S. (2000). *Oxford Fajar advanced learner's English-Malay dictionary*. Terj. Asmah Haji Omar. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi ke-empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruppenhofer, J., Ellsworth, M., Petruck, M., Johnson, C., & Scheffczyk, J. (2006). *FrameNet II: extended theory and practice*. Retrieved May 8, 2008 from <http://framenet.icsi.berkeley.edu>
- Rusmadi Baharudin. (2008). Menangani sinonim dalam kamus: satu pendekatan semantik ranahan. Dlm Norhashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharudin (pnyt.), *Leksikologi dan leksikografi Melayu* (hlm 372-387). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Kim Hua & Woods, P.C. (2008). Media-related or generic-related features in electronic dictionaries: Learners' perception and preferences. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Vol 8(2), 1-17.
- Viberg, Å. (1984). The verbs of perception: a typological study. Dlm Butterworth, B., Comrie, B dan O. Dahl (pnyt.), *Explanations for Language Universals*(hlm. 123-162). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Viberg, Å. (2005). The lexical typological profile of Swedish mental verbs. *Language in Contrast*. Vol 5(1), 121-157.

## LAMPIRAN

Penyemakan dan penulisan semula subentri melihat serta cadangan paparan kamusnya.

**melihatkk** [pasif: **lihat, dilihat, imper:lihat**] ►**PERSEPSI1** menggunakan mata utk memerhatikan objek dan pergerakan fizikal: *Baizura melihat wajah Shoba. | Matanya melihat api yg kian marak. | Di sinilah tempat saya melihat pertunjukan Dolphin. | Awang Cik Teh tidak pun beralih melihat Kalsum pergi.***1b** menghalakan mata ke arah sso atau sst, SIN memandang: **ke arah/ke***Kedua-dua mata melihat ke arah satu benda atau objek yg sama. | Dia melihat ke kambing yg tertambat di pokok jambu itu.***1c** perasan atau sedar akan berlakunya sesuatu di depan mata, SIN nampak: *Apabila tiba di tepi pantai, mereka melihat ada sebuah perahu di situ. | Saat itu, aku lihat lampu bilik air terpasang dan pintu bertutup rapat.***1d** dapat digunakan atau tidak buta: **dpt/tidak dpt melihat***Cuma sebelah matanya saja yang dapat melihat.*|"Saya tidak dapat melihat!. Oh, Tuhanku, saya buta!"**1e** [biasanya pasif] mempunyai penampilan atau rupa yg tertentu, SIN nampak: *Kain ibu dilihat begitu lusuh.*| *Selain hebat menulis lirik lagu, Loloq juga dilihat hebat bakatnya dlm lakonan.***2** mendengar sst: *Jeha bersama anak-anak berloncatan lagi bila melihat bunyi traktor.***3** mengalami atau berasa berlaku sst, biasanya pd tubuh: *Ibu Mariah panik melihat kesakitan yg tiba-tiba datang menyerang itu. | Rangsangan akan dpt dilihat apb anda menumpukan bahagian ini.* ►**KOGNISI4** mendapat tahu ttg sst dgn mata: *Dia terkejut apb melihat ada kasut di bawah tangga itu. | Kesan-kesan wujudnya kawasan tersebut masih dpt dilihat di sekitar pekan kecil Lahat.***4a** mengetahui atau menemukan maklumat berdasarkan kesimpulan drp apa yg diperhatikan: *Dayang Suria melihat ada kebimbangan di wajah ibunya.***5** memahami akan sst: *Drp hikayat di atas, dapat dilihat dgn jelas bentuk cerita sisipan itu. | Mereka melihat sejarah itu sebagai sst yg mempunyai fungsi yg realistik dan pragmatik.* |+**apa/mengapa/bagaimana/bahawa** *Bagaimana mereka dpt melihat kesusahan org kampung? | Bagi orang ramai, mereka melihat apa yg nyata ialah dua bahasa itu berlainan.*| *Beliau tidak dapat melihat mengapa Akta tersebut tidak diberi tafsiran yg sama.* | *Di sini kita dapat melihat bagaimana satu sekatan memberi dua kesan berlainan.* | *Saya dapat melihat bahawa tugas seorang guru bukan hanya di sekolah dan di bilik darjah, tetapi juga dalam kegiatan masyarakat.***6** memikirkan sst: *Aspek kualiti drp setiap sudut perlu dilihat secara bijaksana oleh pihak bertanggungjawab bagi menangani segala permasalahan ini.*| *Sudah tiba masanya pelbagai pihak melihat ttg keperluan mengkaji semula sistem itu.*| *Mak Haji menjenguk ke dalam dirinya sebentar, melihat nasib yg diterimanya.***7** membayangkan sst: *Abp berangan-angan pula, dia akan melihat dirinya sbg sultan sebenar dgn pakaian yg bersinar-sinar.* | *Cikgu Juliana yg mengajar Midun spt tidak sanggup melihat hukuman yg akan dilakukan oleh guru besar.***8** meramalkan sst: *Ahli nujum itu telah melihat dlm tilikannya dan mengatakan bahawa Putera Kiambang sedang pergi ke suatu tempat.* | *OSK melihat pertumbuhan KDNK negara sebenar adalah sebanyak 1 peratus tahun ini dan 2.2 peratus tahun hadapan.***9** menganggap sso atau sst seperti sst: **melihat (sso/sst) sbg/spt** | **dilihat sbg/spt**: *Kebanyakan syarikat pada hari ini melihat manusia sbg satu aset utama dalam kejayaan sesebuah organisasi.* | *Dia lebih melihat saya sbg pemain kelas dunia.* | *Banyak orang melihat sastera sbg sumber hiburan.* ►**PENELITIAN10** meneliti teks spt buku dan majalah, SIN membaca: *Saya sempat melihat buku ini secara menyeluruh dan mencatatkan beberapa pemerhatian.* | *Dia bercerita tanpa melihat teks.* | *Lina melihat surat itu dengan teliti.***11** mengkaji atau menyelidiki sst utk mendapat maklumat atau fakta: *Aliran Eropah selalunya mengambil kira konteks atau keperihalan keadaa dalam melihat bahasa.* | *Dr Latif akan melihat pandangan Islam tentang bioteknologi dalam pertanian dan pengeluaran makanan.* | *Ia menggunakan pendekatan formalistik utk melihat aspek yang membina pendramaan.***12** memeriksa sst: *Jika anda ingin membuat tempahan, sila pastikan anda melihat terlebih dahulu jadual aktiviti kami.* | *Dia pergi ke dapur melihat kalau-kalau masih ada lagi pinggan mangkuk yg belum dicuci.***12a** memeriksa keadaan kesihatan sso, biasanya oleh doktor: *Doktor akan menggunakan kaedah endoskopi utk cuba melihat kanser tersebut.* | *Pesakit bukan*

*kritikal akan dilihat dlm masa 48 jam.13 mencari sst: Tahun 2008 menyaksikan delegasi niaga HPA ke China melihat peluang niaga bersama di sana. |Utk mengukuhkan lagi kedudukannya, Cartoon Network terpaksa melihat pasaran di luar Amerika Syarikat. ►LAWATAN 14 pergi berjumpa dan menghabiskan masa dgn sso, biasanya utk tujuan sosial, SIN melawat: Kesibukan ibu hanya alasan utk tidak melihat abah di hospital. | Seboleh-bolehnya, Nordin akan pulang pd waktu makan tengah hari utk melihat anak lelaki dan isterinya di rumah. 14a pergi dan menghabiskan beberapa waktu di sst tempat, biasanya utk menyaksikan atau mempelajari sst: Minggu lepas saya berkunjung ke Universiti Sains Malaysia melihat pameran pelajar di Galeri Adiwarna. | Rombongan ini telah dibawa melihat persidangan di Dewan Rakyat. 14b pergi dan menghabiskan beberapa waktu di sst tempat yg menarik, biasanya utk melancong dan bersuka-suka: Pak Amran dan rombongannya akan diberi peluang melihat kota Melaka, kota sejarah ini. | Selain menjamu selera, kami meneruskan perjalanan ke Kuantan utk melihat tarikan pelancongan di bandar ini. ►PRAGMATIK 15 [hanya dlm bentuk imperatif] digunakan untuk memberitahu anda ttg tempat (hlm teks) sst maklumat ini berada: Untuk maklumat lanjut, lihat Rujukan 68. 16 berfungsi sbg kata hubung yg menyatakan sebab, SIN kerana, oleh sebab: Melihat kata-kata sendaannya tidak disambut oleh kawan yg lain, Minhat meneruskan cakupnya. | Melihat layanan yg sedikit kurang memberangsangkan, Mat Jar yg berdiri berhampiran terus mendekati Ju. 17 berfungsi sbg kata preposisi yg menyatakan sumber, mengikut, melalui: Melihat kepada statistik ini, amat jelas belia hari ini memerlukan satu pendekatan baharu yg mampu merangsang minda dan menyuburkan nilai murni. | Melihat kepada seksyen 52 Akta, puan mempunyai beberapa alasan utk memfailkan perceraian fasakh ini terhdp suami puan.*

#### PENULIS

Rusmadi Baharudin ialah Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Beliau merupakan anggota penyusun Kamus Besar Bahasa Melayu, iaitu satu daripada projek mega yang sedang dilaksanakan oleh DBP. Kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah di UKM.

Nor Hashimah Jalaluddin (Ph.D) ialah Profesor di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik. Penyelidikan beliau tertumpu pada nahu dan korpus, pemikiran Melayu dan leksikografi. Beliau banyak menerbitkan buku dan artikel yang berkaitan dengan semantik dan pragmatik.

Imran Ho Abdullah (Ph.D) ialah Profesor di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah linguistik korpus, linguistik kognitif dan semantik Inggeris.